



CyberSecurity
M A L Y S I A

KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA KEKAL SEBAGAI PENGERUSI APCERT

CYBERJAYA (20 SEPTEMBER 2022) – Malaysia, melalui CyberSecurity Malaysia telah dipilih semula secara sebulat suara menyandang jawatan sebagai Pengerusi Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Asia (*Asia Pacific Computer Emergency Response Team – APCERT*) bagi sesi 2022-2023.

Pemilihan dibuat sewaktu Mesyuarat Agung Tahunan APCERT yang berlangsung secara dalam talian pada 18 Oktober 2022 dan dihoskan oleh *Japan Computer Emergency Response Team/ Coordination Centre (JPCERT/CC)*.

“Ancaman siber melibatkan isu rentas sempadan dan kerjasama antarabangsa seperti APCERT dapat membantu dalam menangani ancaman tersebut. Oleh demikian, CyberSecurity Malaysia sentiasa berusaha untuk memainkan peranan utama dalam kolaborasi di peringkat antarabangsa ini.” kata Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia.

Tambah beliau lagi, pemilihan ini merupakan satu pengiktirafan terhadap kepimpinan dan komitmen CyberSecurity Malaysia dalam usaha membendung isu serta cabaran getir keselamatan siber masa kini. Justeru, kami amat berbesar hati dengan kepercayaan yang diberikan oleh anggota APCERT.

Dengan pemilihan ini, CyberSecurity Malaysia akan terus menerajui Jawatankuasa Pemandu APCERT yang terdiri dari Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer negara Australia, Republik Rakyat China, Republik Korea, Chinese Taipei, Jepun, dan juga Sri Lanka.

CyberSecurity Malaysia adalah merupakan salah satu anggota pengasas APCERT pada tahun 2002. Ini merupakan kali yang kelima CyberSecurity Malaysia dilantik sebagai Pengerusi APCERT. APCERT kini mempunyai ahli dari 24 ekonomi Asia Pasifik.

Mengenai APCERT

APCERT telah ditubuhkan oleh Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Komputer (*Computer Security Incident Response Teams (CSIRTs)*) daripada ekonomi rantau Asia Pasifik untuk meningkatkan kerjasama, tindak balas dan perkongsian maklumat di kalangan CSIRTs di rantau ini. APCERT mempunyai 33 *Operational*

Members dari 24 ekonomi di rantau Asia Pasifik, 4 *Corporate Partners*, 4 *Liaison Partners*, and 4 *Strategic Partners*. Maklumat lanjut boleh didapati di: www.apcert.org/.

Mengenai CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan agensi pakar dan teknikal keselamatan siber di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM). CyberSecurity Malaysia menyediakan perkhidmatan pakar keselamatan siber seperti: *Cyber Security Emergency Services*, *Security Quality Management Services*, *InfoSecurity Professional Development and Outreach*, dan *Cyber Security Strategic Engagement and Research*.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat
CyberSecurity Malaysia**